



Putra Science Park Tingkat Reputasi UPM Sebagai 'RU' – Dato' Seri Khaled



Menteri Pengajian Tinggi (dua dari kiri) melancarkan Putra Science Park, UPM. Turut hadir ialah Tan Sri Dr. Syed Jalaluddin (kanan sekali).

SERDANG, 29 Mac – Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menyifatkan penubuhan Putra Science Park sebagai usaha serius Universiti Putra Malaysia (UPM) meningkatkan reputasinya sebagai Universiti Penyelidikan (RU), kata Menteri Pengajian Tinggi Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin di sini.

Beliau berkata dengan kedudukan yang strategik dalam kawasan Koridor Raya Multimedia, Putrajaya, Cyberjaya dan KLIA, Putra Science Park adalah agen perubahan terbaik bagi memastikan UPM melonjakkan pencapaiannya sebagai RU.

"Saya mendapati UPM telah menunjukkan kemampuan dalam penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan (R,D&C) yang boleh membanggakan. Justeru, saya turut melihat projek Putra Science Park sebagai aktiviti R,D&C *'knowledge-based society'*," katanya ketika melancarkan Putra Science Park di sini.

Dato' Seri Khaled berkata cabaran utama Putra Science Park adalah untuk meningkatkan usaha pengkomersilan hasil penyelidikan dan pembangunan ke tahap yang lebih tinggi dengan memberi penekanan seperti mempromosikan teknologi pembangunan komersil, menyelaras penempatan fasiliti dan kemudahan penyelidikan, memantau pemindahan teknologi dan membantu penempatan inkubator.

Beliau juga menyarankan agar hasil pengkomersilan di Putra Science Park dapat menjana pendapatan dalaman UPM yang secara tidak langsung dapat menerapkan unsur keusahawanan kepada para penyelidik.



Wakil syarikat Xenolab Sdn. Bhd., Ramlan Saimat (kanan) menjelaskan sesuatu kepada Dato' Khaled sambil diperhatikan Datuk Naib Canselor UPM (kiri).

"Putra Science Park diharapkan dapat meningkatkan daya saing hasil penyelidikan dan inovasi UPM bagi membuka peluang yang lebih luas untuk meneroka pasaran luar dan meningkatkan jaringan menerusi penyebaran ilmu untuk pembangunan industri dan keusahawanan melalui rangkaian interaktif," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UPM Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata Putra Science Park merupakan satu konsep penjenamaan semula identiti persekitaran R&D yang telah wujud sekian lama di UPM dan tidak melibatkan perubahan fizikal ketara.

"Penjenamaan semula ini akan lebih berfokus dalam usaha pengkomersilan penyelidik UPM melalui satu tadbir urus yang lebih terancang.

"Putra Science Park merupakan sebuah komuniti ilmunan yang menjadi penghubung antara golongan akademik, entiti perniagaan dan masyarakat umum.

Ia juga mempercepatkan usaha kerajaan melahirkan usahawan tani melalui program inkubator pertanian," katanya pada majlis yang turut dihadiri oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Tan Sri Dr. Syed Jalaluddin Syed Salim.

Beliau berkata latihan teknikal dan keusahawanan yang boleh dimanfaatkan oleh pelajar, penyelidik dan masyarakat ialah apabila Putra Science Park menjalin kerjasama dengan Orchid Life Sdn. Bhd., Putra Al-Mawashi Livestock (M) Sdn. Bhd., Satiri Sdn. Bhd., Advanced Composite Engineering Sdn. Bhd. dan Xeno Lab Sdn. Bhd.

Putra Sains Park merupakan taman sains berkonsepkan komuniti bermaklumat yang menggabungkan komponen dalam kampus, iaitu sumber manusia, kepakaran, kemudahan, peralatan, latihan dan penemuan penyelidikan dengan komponen luar seperti inkubator, dana usahawan dan komuniti.



Dato' Khaled turut merasmikan Makmal Orchid Life Sdn. Bhd., salah sebuah syarikat kerjasama UPM.

Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM. (Ili Syazwani Zahimi 03-89466013).